

4,362 Pelajar Lanjut Pengajian ke UMS

Terakhir dikemaskini: Rabu, 04 September 2019 16:54 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 74

[Syorkan 0](#)

[Kongsi](#)

[Tweet](#)

[Share](#)



SELASA, 3 September -
Seramai 4,362 pelajar ditawarkan melanjutkan pengajian ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi kemasukan Pelajar Baharu Sesi 2019/2020.

Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Yap Yun Hin berkata, jumlah tersebut merangkumi 2,570 (59%) pelajar dari Sabah, 1,690 (39%) dari Semenanjung Malaysia dan Sarawak, dan 102 (2%) pelajar antarabangsa.

“Pelajar antarabangsa itu berasal dari 14 buah negara, iaitu China (72 orang), Brunei (9 orang), Indonesia (6 orang),

Bangladesh (3 orang), Korea Selatan (2 orang), Hong Kong (2 orang) dan masing-masing seorang dari Jepun, Filipina, Afrika Selatan, Gabon, Yemen, Maldives, Mesir dan Pakistan,” katanya pada sidang media semasa pendaftaran pelajar baru di Kolej Kediaman E, hari ini.

Beliau berkata, UMS turut menawarkan 178 tempat kepada pelajar kurang berkemampuan berdasarkan pendapatan isi rumah 40 peratus terendah (B40) menerusi program Merobah Idea Menjadi Realiti (MENITI)

“Pada tahun ini UMS turut menerima kemasukan 8 orang pelajar dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU). Kesemua mereka ini ditempatkan di tingkat bawah Kolej Kediaman Tun Fuad untuk memudahkan pergerakan selain disediakan kenderaan khas untuk menghadiri kuliah.

“UMS juga menerima kemasukan 40 pelajar bagi program baharu iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Sains Data) Fakulti Komputeran dan Informatik,” ujar Prof. Dr. Taufiq.

Kesemua pelajar akan tinggal di kolej kediaman dan akan mengikuti Minggu Suai Mesra (MSM) sehingga 6 September sebagai persiapan bagi menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan kampus.